

Jenayah Sumbang Mahram Mesti Dibanteras



Oleh: Hanis Aqilah Jeswandy

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 30 Julai 2021

Rogol merupakan serangan seksual yang dikategorikan sebagai jenayah yang amat serius serta memberi implikasi yang amat buruk terhadap mangsanya.

Sumbang mahram pula didefinisikan sebagai perbuatan zina yang dilakukan oleh seseorang yang ada pertalian darah dengan mangsa.



Gambar hiasan

Pelaku jenayah ini memaksa mangsa melakukan hubungan seksual tanpa kerelaan. Kejadian rogol dan sumbang mahram juga dilaporkan semakin meningkat semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Laporan Statistik Jenayah Malaysia 2020 mencatatkan peningkatan kes rogol sebanyak 5.5 peratus dan 2.9 peratus pada 2019 berbanding tahun sebelumnya.

Peningkatan jenayah tersebut menambah kebimbangan apabila sebuah akhbar tempatan melaporkan bahawa 90 peratus mangsa rogol terdiri daripada gadis di bawah umur.

Menurut akhbar tempatan lain, terdapat kes yang melibatkan seorang bapa yang merogol anak kandungnya sendiri.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Asisten Komisioner Shafee Abd Samad berkata, perkara itu terbongkar selepas mangsa yang kini berusia 18 tahun membuat laporan polis baru-pada 18 Jun 2021 kerana tidak tahan menjadi mangsa pemuas nafsu bapa kandungnya selama 12 tahun.

Mengapakah jenayah ini kerap berlaku dan seperti tiada penghujungnya? Inisiatif dan tindakan daripada pihak berkuasa sudah ditingkatkan namun kejadian rogol dan sumbang mahram masih berlaku.

Kes sumbang mahram dikatakan lazimnya berlaku dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah. Saiz rumah yang kecil dan tidak mempunyai banyak bilik mendorong kepada berlakunya sumbang mahram.

Hal ini membimbangkan pelbagai pihak berikutan kes yang dilaporkan melibatkan remaja dan kanak-kanak yang berusia 18 tahun ke bawah semakin meningkat.

Permasalahan ini bermula apabila ahli keluarga mangsa memberi ancaman dan ugutan supaya tidak membuat aduan atau menyebarkan cerita kepada mana-mana pihak demi menjaga nama baik keluarga.

Hakikatnya, mangsa tidak mendapat hak pembelaan. Lebih menyedihkan, ibu bapa sendiri mengawal setiap pergerakan anak-anak yang menjadi mangsa keadaan.

Mangsa juga merasakan diri mereka tidak berguna setelah maruah diragut secara kasar oleh ahli keluarga yang bernafsu buas.

Keadaan ini menyebabkan mereka berasa takut dan trauma dengan keadaan sekeliling kerana orang yang terdekat juga sanggup melakukan perkara terkutuk tersebut .

Pendekatan keagamaan boleh digunakan untuk menangani masalah ini. Didikan agama yang bermula di rumah wajar ditekankan kerana ia merupakan tunjang utama dalam membentuk sifat dan perilaku seseorang.

Dalam hadis riwayat Bukhari, Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud, “Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah (suci bersih), kedua ibu bapalah yang mencorakkannya menjadi Yahudi atau Nasrani atau Majusi.”

Berdasarkan sabda Rasulullah SAW itu, peribadi seseorang manusia itu terjadi hasil daripada didikan di rumah.

Seorang bapa wajarlah meningkatkan keimanan dan ketakwaan yang tinggi kepada Allah SWT, mendalami ilmu agama dan mengamalkannya.

Langkah itu membantu meningkatkan perisai sebagai seorang Islam yang berpegang teguh pada ajaran agama serta menjauhkan diri daripada perbuatan maksiat.

Ia bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 195 yang bermaksud, “Dan janganlah kamu menjatuhkan (diri sendiri) ke dalam kebinasaan.”